

Tasawuf - Sufi - Tarekat Qajbun Salim

November 2018

Seimbas Lalu
TAREKAT ALAWIYYAH

Imam Al-Ghazali
Pengkritik Ajaran
Kaum Falsafah

Hijab-hijab
Penyembah
Berhala

Tarekat Syaziliyyah
Pada Zaman Awalnya

Seputar Tarekat
Chistiyyah

Mengenal Tokoh Sufi
Syeikh Abdus Samad
Al-Falimbani

Engkau Tahu Apa Itu
RISALAH QUDSIYYAH?

Tingkatan Bersuci
dalam Tasawuf

Dihadiahkan sempena Ijtima' Tahunan Tariqah Al-Ghazaliyyah kali ke-3 (2019)
pada 30 Mac 2019 di Surau An-Nur, Sg. Nyior, Trong, Perak Darul Ridzuan.

Isi Kandungan

1. Engkau Tahu Apa Itu Risalah Qudsiyyah? 3
2. Tingkatan Bersuci dalam Tasawuf 6
3. Seimbas Lalu Tarekat Alawiyyah 7
4. Syeikh Abdus Samad Al-Falimbani – Hubungannya dengan Karya-karya Imam Al-Ghazali 10
5. Imam Al-Ghazali – Pengkritik Ajaran Kaum Falsafah 11
6. Sejarah Kitab Siyarus Salikin – Kitab Tasawuf Besar Nusantara 12
7. Mengapa Sufi dan Tarekat Mengajar Tentang Fadhilat? 15
8. 10 Perkara Tentang Tarekat Syaziliyyah pada Zaman Awalnya 17
9. Mengenal Tokoh Sufi : Syeikh Abdus Samad Al-Falimbani 19
10. Sufi Pastinya Mengingati Mati 23
11. Syarah Kitab Keajaiban Qalbu 24
12. Hijab-hijab Penyembah Berhala 29
13. Bagaimana Hendak Mujahadah? 31
14. Isu Kesufian - Tidak Ada Cinta dan Rindu Allah? 32
15. Seputar Tarekat Chistiyyah 38
16. Hamza Yusuf 39

Engkau Tahu Apa Itu Risalah Qudsiyyah?

Risalah Qudsiyyah ialah sukatan pelajaran usuluddin (aqidah) yang disusun oleh Hujjatul Islam Imam al-Ghazali. Ia terdiri daripada 4 rukun. Setiap satu rukun itu mengandungi 10 perkara. Mengetahui dan memahami Risalah Qudsiyyah akan dapat membantu kita mengelak daripada terkena fahaman-fahaman yang menyeleweng sekalipun bertopeng di sebalik nama-nama yang mulia seperti ahli sunnah wal jamaah, salafi, tasawuf, sufi, tarekat, ilmu tauhid, ilmu hakikat, ilmu ma'rifat, ilmu mengenal diri, ilmu mengenal Allah dan sebagainya. Berikut adalah ringkasannya :

Rukun Pertama : Cara Mengimani Zat Allah

1. Aku yakin bahawa Allah memang ada.
2. Aku yakin bahawa Zat Allah itu qadim.
3. Aku yakin bahawa Zat Allah itu baqa'.
4. Aku yakin bahawa Zat Allah itu bukanlah jauhar, maka ZatNya tidak terpengaruh dengan tempat dan lokasi.
5. Aku yakin bahawa Zat Allah itu bukanlah jisim.
6. Aku yakin bahawa Zat Allah itu bukanlah 'aradh.
7. Aku yakin bahawa Zat Allah itu tidak terpengaruh dengan arah dan posisi.
8. Aku yakin bahawa Allah istiwa' atas 'Arasy-Nya dengan maksud yang dikehendaki-Nya sebagaiman yang difirmankan-Nya, tetapi tidak terkena pada ZatNya tanda-tanda kebaharuan dan kefanaan. Tidak boleh difahami erti itu sebagai ZatNya menetap atau bertempat.
9. Aku yakin bahawa ZatNya itu tidak berbentuk, tidak berbatas (tidak bertepi, tidak bersempadan, tiada had), tidak berarah dan tidak terkena penjuru.
10. Aku yakin bahawa Zat Allah itu Esa, tunggal, sendirian, tiada sekutu.

Rukun Kedua : Cara Mengimani Sifat Allah

1. Aku yakin bahawa Allah Maha Berkuasa.
2. Aku yakin bahawa Allah Maha Mengetahui.
3. Aku yakin bahawa Allah itu Hidup.
4. Aku yakin bahawa Allah berkehendak (bersifat iradah).
5. Aku yakin bahawa Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat.
6. Aku yakin bahawa Allah berkata-kata (kalam).
7. Aku yakin bahawa kalam Allah itu qadim.
8. Aku yakin bahawa ilmu Allah itu qadim.
9. Aku yakin bahawa iradah (kehendak) Allah itu qadim.
10. Aku yakin bahawa Allah tahu dengan ilmun, hidup dengan hayah, berkuasa dengan qudrah, berkehendak dengan iradah, berkata-kata dengan kalam, mendengar dengan sama' dan melihat dengan basar.

Rukun Ketiga : Cara Mengimani Af'al Allah

1. Aku yakin bahawa segala yang baharu adalah perbuatan (af'al) Allah.
2. Aku yakin bahawa Allah yang menjadikan segala gerak makhluk.
3. Aku yakin bahawa segala usaha dan ikhtiar hamba adalah tidak terkeluar daripada kehendak Allah.
4. Aku yakin bahawa menjadikan dan memberikan taklif itu tidak wajib bagi Allah. Hal ini bertentangan dengan kepercayaan fahaman Mu'tazilah.
5. Aku yakin bahawa Allah boleh (jaiz – tidak wajib dan tidak mustahil) mentaklifkan (memikulkan) ke atas makhluk sesuatu yang tidak disanggupi oleh makhluk itu.
6. Aku yakin Allah layak dan berkuasa untuk menyakitkan dan mengazabkan makhluk-Nya tanpa ada dosa yang terdahulu dan tanpa pahala yang akan datang. Hal ini bertentangan dengan pandangan kaum Mu'tazilah.
7. Aku yakin bahawa Allah memang layak untuk berbuat apa sahaja terhadap makhluk-Nya.
8. Sungguhpun begitu, aku yakin bahawa usaha dan ikhtiar untuk mengenal Allah dan mentaati perintah dan larangan-Nya adalah wajib.
9. Aku yakin bahawa Allah memang ada mengutuskan wakil-wakil-Nya iaitu para rasul dan nabi.

10. Aku yakin bahawa Nabi Muhammad saw memang diutus oleh Allah sebagai kesudahan para nabi dan pembatal akan syariat-syariat (agama-agama) sebelumnya.

Perkara Keempat : Cara Mengimani Rasulullah saw

1. Aku yakin memang ada alam akhirat, kebangkitan semula dan Mahsyar.
2. Aku yakin memang ada pertanyaan malaikat Munkar dan Nakir.
3. Aku yakin memang ada azab kubur.
4. Aku yakin memang ada timbangan amal.
5. Aku yakin memang ada titian dan lintasan.
6. Aku yakin memang ada syurga dan neraka.
7. Aku yakin bahawa Saiyidina Abu Bakar, Saiyidina Umar, Saiyidian Uthman dan Saiyidina Ali itu memang imam (khalifah) yang benar selepas Rasulullah.
8. Aku yakin bahawa kedudukan keutamaan empat orang sahabat utama itu adalah sebagaimana susunan mereka menjadi imam (khalifah).
9. Aku yakin bahawa syarat-syarat untuk menjadi imam (khalifah) itu selepas Muslim dan taklif (dewasa dan berakal) adalah lelaki, wara', berilmu, berkesanggupan dan daripada suku Quraisy.
10. Aku yakin bahawa dalam urusan pengangkatan imam (khalifah) ini, sekiranya terdapat sesuatu kemaslahatan besar dan jika dilewatkan atau dibiarkan akan membawa kemudaratan besar, maka ada budi bicara dan tolak ansur tertentu dalam pengangkatannya.

Berkata Imam Al-Ghazali dalam kitabnya *Ihya' Ulumuddin* pada Kitab 'Aqidah : "Orang yang meyakininya (40 Perkara dalam Risalah Qudsiyyah) ini, maka dia bersesuaian dengan ahlussunnah dan bukannya ahli bid'ah."



Tingkatan Bersuci Menurut Tasawuf

Firman Allah Taala : “Allah menyukai orang-orang yang bersih.”
(Al-Baqarah : 108)

Sabda Nabi saw : “Kebersihan itu separuh daripada iman.”
(Muslim)

Sabda Nabi saw : “Kunci solat itu ialah kesucian.” (Turmizi)

Bersuci itu 4 tingkatan :

- i) Tingkat satu - mensucikan zahir diri daripada segala hadas, kotoran dan benda-benda yang menjijikkan.
- ii) Tingkat dua - mensucikan anggota badan daripada segala perbuatan jahat dan dosa.
- iii) Tingkat tiga - mensucikan hati daripada segala sifat yang tercela dan sifat-sifat rendah yang terkutuk.
- iv) Tingkat empat - mensucikan sirr daripada sesuatu selain Allah Taala, iaitu bersucinya hati para nabi dan para siddiqin.

- Petikan dan ringkasan daripada Kitab Bersuci dalam kitab Ihya' 'Ulumuddin

Seimbas Lalu Tarekat Alawiyyah



Habib Umar bin Hafiz

Tarekat Alawiyyah atau Tarekat As-Sadah Al-Ba'Alawi (Arab: طريقة السادة آل باعلوي Thariqah As-Sadah Al-Ba'Alawi) ialah satu tarekat sufi Islam Sunni yang terkenal, yang didirikan oleh Imam Muhammad bin Ali Ba'alawi, bergelar Al-Faqih Al-Muqaddam (lahir di Tarim, Yaman, 574 H/k. 1178 M, dan wafat 653 H/k. 1256 M). Tarekat ini kemudiannya semakin berkembang dengan pesat di tangan Imam Abdullah bin Alawi Al-Haddad.

Penyebaran terluas Tarekat Alawiyyah ini ialah di Yaman. Selain itu tarekat ini juga tersebar di Indonesia, Malaysia, Singapura, Kenya, Tanzania, India, Pakistan, Hijaz, dan Emiriah Arab Bersatu yang merupakan wilayah diaspora bangsa Arab Hadramaut.

Ajaran tarekat As-Sadah Al-Ba'Alawi apabila ditinjau berdasarkan mazhab fekahnya adalah bermazhab As-Syafi'iyyah sedangkan dari mazhab akidahnya bermazhab As-Sunni Al-Asy'ariyyah.

Al-Habib Abdurrahman bin Abdullah bin Ahmad Bilfaqih Ba'alawi pernah ditanya, “Apa dan bagaimana Tarekat Saadah Aal Abi ‘Alawi (keluarga Bani Alawy) itu? Apakah cukup didefinisikan dengan *ittibâ'* (mengikuti) Quran dan sunah? Apakah terdapat pertentangan antara mereka? Apakah tarekat mereka bertentangan dengan tarekat-tarekat yang lain?.”

Dia pun menyampaikan jawabannya sebagai berikut : “Ketahuilah, sesungguhnya Tarekat Saadah Aal Abi ‘Alawi merupakan salah satu tarekat kaum sufi yang asasnya adalah ittibâ’ (mengikuti) Quran dan sunah, pokoknya adalah sidqul iftiqôr (benar-benar berasa kepada Allah) dan syuhûdul minnah (menyaksikan bahawa kesemuanya merupakan kurniaan Allah). Tarekat ini mengikuti ittiba’ manshûsh dengan cara khusus dan menyempurnakan semua dasar (ushûl) untuk mempercepat wusul.



Habib Ali Al-Jufri

Sesungguhnya asas tarekat para salafunas sholihin dari Bani Alawy adalah Al-Kitab dan As-Sunnah, dan yang menjadi bukti tentang itu semua adalah perjalanan hidup mereka yang diredhai oleh Allah dan hal ehwal mereka yang terpuji. Secara garis besar, tarekat mereka itu adalah sebagai berikut :

- i. Menjaga waktu-waktu yang diberikan Allah dan memanfaatkan waktu tersebut untuk beribadah dan mendekatkan diri kepada-Nya.
- ii. Selalu terikat dan hadir dalam majlis-majlis ilmu dan majlis yang bersifat dapat mengingatkan diri kepada Allah.
- iii. Berakhlak dengan adab-adab yang baik, menjauhi ketenaran, meninggalkan hal-hal yang tidak berguna, dan menghilangkan semua atribut kecuali atribut kebaikan.
- iv. Membiasakan diri dalam membaca zikir terutama zikir-zikir Nabawiyah sesuai dengan batas kemampuannya, seperti amalan-amalan zikir yang disusun oleh Al-Imam Abdullah bin Alwi Alhaddad.
- v. Ziarah kepada para ulama dan auliya baik yang masih hidup ataupun yang telah meninggal, selalu ingin bermaksud menghadiri perkumpulan-perkumpulan yang penuh dengan zikir khususnya yang mengandung unsur mengingatkan diri kepada Allah, dan menghadirinya dengan penuh rasa husnudz dzon (berbaik sangka), dengan syarat bahwa perkumpulan-perkumpulan tersebut bebas dari perbuatan-perbuatan mungkar yang dipandang oleh agama.

Kitab Tazkrun Naas, karangan Al-Habib Hasan bin Ahmad Al-Atthas, hal. 24. Di dalam buku tersebut, Al-Habib Hasan bin Ahmad Al-Atthas berkata : “Para salaf kita Alawiyyin mengikuti madzhab Al-Imam Asy-Syafi’i dalam sesuatu yang berhubungan dengan permasalahan hukum-hukum Islam, masalah ibadah dan muamalah, dan permasalahan-permalasahan fekah.”

Kitab Maulud Simtud Duror, Al-Habib Al-Qutub Ali bin Muhammad Alhabsyi, pada bahagian syair. Dalam syairnya, dia berkata : “Ya Allah, berilah kekuatan pada kami untuk berjalan di atas jalan yang benar, iaitu di atas jalan Nabi dan jalan yang ditempuh Saadah Syadziliyyah.”

Dalam riwayat lain ditulis dengan : “...dan jalan yang ditempuh Saadah Alawiyyah.” Kitab Al-Bidh’ah Al-Muhammadiyyah, Al-Ustadz Alwi bin Muhammad Bilfagih, hal. 137-140, dalam bab Madzhab Al-Imam Al-Muhajir.

Telah berkata salah seorang ulama tentang keluarga Bani Alawy, “Banyak dari mereka yang menjadi ulama-ulama besar dan imam sebagai panutan umat pada zamannya. Sehingga tidak sedikit di antara mereka yang kita kenal sebagai seorang wali Allah yang mempunyai karamah. Hati mereka itu tenggelam dalam lembah cinta kepada Allah SWT. Di samping itu mereka mempunyai perhatian yang besar sekali terhadap kitab-kitab karangan Al-Imam Al-Ghazali, terutama kitab Ihya’, Al-Basith, Al-Wasith dan Al-Wajiz. Lagipula tidak jarang dari mereka yang mencapai derajat Al-Huffadz (orang yang banyak menghafal hadits-hadits Nabi SAW).”



Habib Rizieq

Syeikh Abdus Samad Al-Falimbani dan

Karya2 Imam Al-Ghazali



Gambaran wajah Syeikh Abdus Samad

Kitab-kitab susunan Syeikh Abdus Samad al-Falimbani yang bersangkutan dengan Hujjatul Islam Imam Al-Ghazali :

1. HIDAYATUS SALIKIN fi Suluk Maslak al-Muttaqin (siap pada 1778M). Merupakan saduran daripada kitab Bidayatul Hidayah karya Imam Al-Ghazali. Kitab ini sangat masyhur.
2. SIYARUS SALIKIN ila Ibadat Rabb al-Alamin (siap semua 4 jilid pada 1788M). Merupakan ringkasan dan penambahan kepada kitab Ihya' 'Ulumuddin karya Imam Al-Ghazali. Karya terbesar Syeikh Abdus Samad. Kitab ini juga sangat masyhur.
3. SAWATHI AL-ANWAR. Dipercayai sebagai saduran daripada kitab Misykat al-Anwar karya Imam Al-Ghazali.
4. FADHAIL AL-IHYA' LIL AL-GHAZALI – Dalam bahasa Arab. Menceritakan kelebihan-kelebihan kitab Ihya' 'Ulumuddin karya Imam Al-Ghazali.

Imam Al-Ghazali

Pengkritik Ajaran Kaum Falsafah



Masjid Umayyah di Damsyik, lokasi Imam Al-Ghazali beruzlah

Musuh-musuh Islam sama ada dari luar atau dari dalam kalangan umat Islam sering mefitnah Imam Al-Ghazali sebagai penganut ajaran kaum falsafah. Benarkah begitu? Tentu sahaja tidak benar!

Apakah antara bukti-buktinya?


1. Beliau menulis dua buah kitab yang khusus tentang ilmu falsafah dan mendedahkan apa yang salah dan apa yang lemah dalam ilmu falsafah itu, iaitu kitab Maqasid al-Falasifah dan Tahafut al-Falasifah. Tulisan-tulisan yang tidak khusus pula bertaburan dalam karya-karya beliau yang lain.
2. Beliau mendedahkan 3 pegangan ahli falsafah yang mesti dikufurkan dan banyak lagi pegangan mereka yang bertaraf bid'ah.
3. Sanggahan Imam Al-Ghazali sendiri dalam kitabnya Al-Munqiz min adh-Dhalal : *"Sesetengah golongan telah mengkritik sebahagian tulisan yang bertaburan dalam karangan kami tentang rahsia-rahsia ilmu agama. Mereka ialah golongan yang tidak padat ilmu-ilmu di dada dan masih belum terbuka mata hati mereka kepada tujuan-tujuan mazhab, lalu MEREKA MENYANGKA bahawa pendapat yang aku keluarkan ialah pendapat-pendapat ahli falsafah terdahulu."*
4. Kata Al-Ghazali dalam kitabnya Tahafut al-Falasifah : *"Pendapat ahli-ahli falsafah tidak ada yang pasti dan tetap. Mereka mendasarkan keputusan-keputusan mereka pada dugaan dan spekulasi, tanpa didukung penyelidikan positif dan tanpa dipastikan dengan akidah."*

<http://alexanderwathern.blogspot.com/2018/07/imam-al-ghazali-pengkritik-ajaran-kaum.html>

Sejarah Kitab

Siyarus Salikin

Kitab Tasawuf Besar Nusantara



Kitab Sair al-Salikin ila ‘Ibadati Rabbil ‘Alamin adalah merupakan sebuah karya agung tasawuf dalam bahasa Melayu. Sebuah karya yang sangat terkenal di Nusantara. Kitab ini terdiri daripada 4 juzuk sebagaimana juga kitab ihya.

Juzuk pertama yang menyatakan ilmu ushuluddin dan segala perkara berkaitan dengan ibadat yang zahir – ditulis pada 1193H/1779M dan siap pada awal tahun 1194H/1780M di Mekah.

Juzuk kedua yang menyatakan adat yakni pada menyatakan hukum dan adab yang berlaku pada adat seperti makan-minum dan sebagainya - mulai ditulis pada 1194H/1780M dan selesai pada hari Sabtu, 19 Ramadan 1195H/1781di Thaif.

Juzuk ketiga pada menyatakan muhlikat yakni perkara-perkara yang membina-sakan sekalian amal - mulai ditulis pada tahun 1195H/1781M dan diselesaikan pada 19 Safar 1197 H/1783 M di Makkah.

Juzuk keempat pada menyatakan munjiyat yakni perkara-perkara yang melepaskan daripada yang membinasakan sekelian amal - Syaikh Abdusshamad tidak menyebut tahun ia mulai menulisnya, tetapi beliau selesai menulisnya pada 20 Ramadan 1203H/1788 di Thaif.

Sebahagian besar isi kandung kitab ini adalah merupakan terjemahan daripada Lubabul Ihya iaitu mukhtasar (ringkasan) kitab Ihya Ulumiddin. Namun Syaikh Abdusshomad juga menaqlakan dari kitab-kitab lain.

Antaranya yang sempat al-Faqir kutip sepintas lalu adalah:- Kitab-kitab karangan Imam al-Ghazali seperti Ihya Ulumiddin, Bidayah al-Hidayah, Madhmun, Jawahirul Qur'an, Minhajul 'Abidin, Arba'iin fi Ushuliddin dan sebagainya; Al-Fushulul al-Ilmiyyah wa al-Ushuulul Hukmiyyah oleh al-Habib Abdullah bin 'Alawi al-Haddad; Ghaits al-Mawahib al-'Aliyah fi Syarh al-Hikam al-'Athoiiyah oleh Ibn 'Abbad; Al-Fusul al-Miftahiyyah wa al-Nafahat al-Ruhaniyyah oleh Syaikh Hussin bin 'Abdullah BaFadhal; Sairus Suluk oleh Syaikh Qasim al-Halabi; Al-Durruts Tsamin fi Bayani al-Muhim min 'Ilmaddin oleh al-Habib 'Abdul Qadir al-'Aidarus; Iqna oleh Syaikh Khatib al-Syarbini; Minhajul Qawim oleh Syaikh Ibn Hajar al-Haithami; Al-Ghunya oleh Syaikh 'Abdul Qadir al-Jailani; Syarh al-Raudhu al-Thalib oleh Syaikh Zakaria al-Anshari; Tuhfatul Muhtaj oleh Syaikh Ibn Hajar al-Haithami; Hikam oleh Ibn 'Athoillah; Raudhah al-Thalibin oleh Imam Nawawi; Nashoih al-Diniyyah oleh Habib 'Abdullah bin 'Alawi al-Haddad; Futuhatul Makkiyah oleh Syaikh Muhyiddin Ibn 'Arabi; Uhud al-Muhammadiah oleh Syaikh 'Abdul Wahhab al-Sya'rani; Hikam Ibn Ruslan; ad-Da'wah at-Tammah wa Tazkiratul 'Ammah oleh Habib 'Abdullah bin 'Alawi al-Haddad; Hikam Abi Madyan; Risalah al-Makkiyah oleh Syaikh Tajuddin al-Naqsyabandi; Al-Nafahat al-Ilahiyyah fi Suluk al-Thariqah al-Muhamadiyah oleh Syaikh Muhammad bin 'Abdul Karim al-Samman; Hidayatul Ahbab Fima Lil Khalwati Minas Syuruthi wal Adab – Syaikh Musthafa al-Bakri; Adabul Murid oleh Abu al-Najib Abdul Qahhar bin 'Abdullah bin Muhammad al-Sahruwardi; Al-Fushul al-Fathiyyah oleh al-'Arifbillah asy-Syaikh Hussin bin 'Abdullah BaFadhal; Al-Minahus Saniyyah 'ala al-Wasiyyah al-Matbuliyah oleh Syaikh 'Abdul Wahhab al-Sya'rani; Risalah Asrarul 'Ibadah oleh Syaikh Muhammad bin 'Abdul Karim al-Samman; Risalah Anwarul Qudsiyah oleh Syaikh 'Abdul Wahhab al-Sya'rani; Madarij al-Salikin oleh Syaikh 'Abdul Wahhab al-Sya'rani; Fath al-Rahman Syarah Hikam Ibn Ruslan oleh Syaikh Zakaria al-Anshari; Al-Yawaqit wa al-Jawahir fi Bayani 'Aqaid al-Akhbar- Syaikh 'Abdul Wahhab al-Sya'rani; Masyariqul Anwar al-Qudsiyah fi Bayani 'Uhudil Muhammadiyah oleh Syaikh 'Abdul Wahhab al-Sya'rani; Zahrul Basim oleh Sayyid 'Abdul Qadir; Al-Minan al-

Kubra oleh Syaikh ‘Abdul Wahhab al-Sya’rani; Al-Amin fi Intifa’il Mayyiti Bil Qur’ani; ‘Adzim oleh Syaikh Abdurrahman al-Tahawi dan banyak lagi yang tidak sempat al-Faqir kutip dan senaraikan disini.

Di dalam kitab ini juga, Syaikh ‘Abdusshomad telah mengkategorikan kitab-kitab tasawuf kepada 3 peringkat iaitu untuk dipelajari dan dikaji oleh golongan mubtadi, mutawassith dan muntahi. Adapun kitab yang beliau karang ini, beliau kagetorikan sebagai kitab lanjutan yang patut dikaji bagi murid yang mubtadi setelah mempelajari dan mengkaji kitab Hidayatus Salikin yang juga dikarang oleh beliau.

Walaupun kitab ini sudah berusia lebih 200 tahun, namun kandungan kitab ini bernilai tinggi dan bersifat ilmiyah tasawuf yang cukup mantap serta masih segar, relevan dan terkehadapan untuk dijadikan panduan generasi kini. Oleh kerana itu ia masih dicetak dan beredar dipasaran kitab.

Bagi meraikan kemampuan generasi sekarang yang ingin mempelajari kitab yang sangat bermanfaat ini, maka beberapa ulama dan penerbit kitab telah mengambil initiatif untuk mentahqiq, mentakhrijkan hadits-hadits, mengolah ayat dan sebagainya dan juga mentransliterasikan ke tulisan rumi seperti yang diusahakan oleh Ustaz Ahmad Fahmi Zamzam al-Banjari al-Maliki an-Nadwi. Seterusnya beliau telah menerbitkannya di dalam dua versi iaitu jawi [dengan tulisan jawi moden] dan rumi. Usaha yang sama juga telah dilakukan oleh Penerbitan Pustaka Nasional di mana perbaikan bahasanya telah dilakukan oleh Ustaz Muhammad Labib dan seterusnya ditahqiq oleh al-Habib Sayyid Ahmad Sema

<http://abusyahmin.blogspot.com/2011/11/kitab-sair-al-salikin-ila-ibadat-rabbil.html>

Mengapa Sufi dan Tarekat Mengajar Tentang Fadhilat?

PERSOALAN : Apa yang saya faham dalam tarekat sufi, setiap amalan seperti zikir, hizb, wirid; tujuannya niat si salik tidak ada yang lain, hanya berkehendakkan Allah, tidak mengharapkan syurga pahala atau kelebihan-kelebihan dunia yang lain.

Bagaimana pula dengan kitab-kitab para ulama yang juga sufi yang mensyarahkan kelebihan fadhilat-fadhilat zikir, hizb, wirid dan selawat contohnya?

Kitab Lumatul Aurad mensyarahkan kaifiat beramat dan kelebihan fadhilat, contohnya murah rezeki, selamat daripada orang zalim dan banyak lagi. Sebagai hamba Allah sudah tentu kita berhajat dengan sangat banyak tentang urusan dunia dan akhirat.

Hatta dalam berdoa pun apa yang saya faham di sisi para sufi bukannya mengharap pemberian Allah kerana semuanya telah berada dalam ketetapan-Nya di A'yan Sabitah, tetapi hanya menyatakan sifat kehambaan kita.

Minta ustaz jelaskan serba-sedikit tentang kemusykilan ini.

JAWAPAN :

1. Tarekat seakan-akan sebuah sekolah. Mula-mula masuk ke sekolah, tidak boleh terus ke Tingkatan 5 tetapi kena masuk Darjah 1 terlebih dahulu. Tentu ada sebab-sebabnya.
2. Dari Darjah 1 hingga Tingkatan 5 ada 11 level, maksudnya ahli-ahli sesuatu tarekat itu pun ada banyak level.
3. Tarekat bukan hanya untuk orang level tertinggi sahaja, yang level-level rendah pun ada juga bahagian mereka.
4. Jika ada tarekat yang apabila kita masuk-masuk sahaja ia terus mengajar pelajaran Tingkatan 3 kepada murid-murid Darjah 1, itu tarekat yang bermasalah.

Begitu juga jika sesuatu tarekat itu hanya untuk orang-orang yang level amal mereka hanya berkehendakkan Allah sahaja, kerana ada lagi level yang lebih bawah dan ada lagi level yang lebih atas daripadanya.

5. Matlamat bersekolah ialah berkehendakkan kehidupan yang baik di dunia dan di akhirat, tetapi dalam masa yang sama murid-murid dimotivasikan dengan fadhlilat-fadhlilat seperti hadiah, sijil, tempat ke asrama penuh, anugerah, jawatan pengawas, biasiswa dan sebagainya.
6. Jadi, amalan-amalan itu disampaikan ilmu, pemahaman, penghayatan dan pengalamannya mengikut keadaan murid. Ada yang beramal kerana terpaksa, ada yang kerana dipaksa, ada yang kerana saja-saja, ada yang kerana mahu amalkan sunnah, ada yang kerana mahukan fadhlilat-fadhlilat yang diberitahu oleh Allah atau Rasul-Nya, ada yang kerana berasa bertangungjawab, ada yang kerana mahu pahala dan jannah, ada yang kerana elakkan dosa dan neraka, ada yang kerana suka akan amalan itu, ada yang kerana berkehendak akan Allah, ada yang kerana cinta akan Allah, ada yang kerana rindu akan Allah, ada yang kerana Allah dan lain-lain.
7. Orang yang beramal kerana mahukan Jannah, akan berasa kurangnya maqam mereka yang beramal kerana terpaksa. Yang beramal kerana berkehendak akan Allah pula, akan berasa kurangnya maqam mereka yang beramal kerana mahukan Jannah. Yang beramal kerana maqam yang lebih atas pula, akan berasa kurangnya maqam mereka yang beramal kerana berkehendakkan Allah. Begitulah seterusnya.
8. Juga bertujuan untuk menarik minat dan membentuk keghairahan bagi orang-orang yang belum bermula, baru berjinak-jinak dan yang kurang cerdas agar terus beramal dan bermujahadah.
9. Sebab itulah dalam tarekat dan kitab-kitab, ada diterangkan dan ditekankan tentang fadhlail amal.
10. Dalam berdoa pun lebih kurang begitulah penjelasannya.

(*Satu lagi, level kita pun ada naik turun pada masa-masa tertentu, maka kena sesuaikan dengan fadhlilat agar bermotivasi)

10 Perkara Tentang

Tarekat Syaziliyyah

pada Zaman Awalnya



Sabtah (Ceuta), Morocco. Salah satu tempat berjejaknya pengasas Tarekat Asy-Syaziliyyah

1. Tarekat Syaziliyyah diasaskan oleh Syeikh Abu Hasan Asy-Syazili (1197-1258). Beliau berketurunan Saiyidina Hasan anak Saiyidina Ali. Beliau tidak meninggalkan apa-apa karya dalam bidang tasawuf.
2. Penggantinya ialah Abul Abbas Al-Mursi (1219-1287). Beliau juga tidak meninggalkan sebarang karya tasawuf.
3. Salah seorang murid kepada Abul Abbas Al-Mursi ialah Syeikh Ibnu Ataillah (1259-1309) – pengarang kitab Hikam yang terkenal itu. Ibnu Ataillah orang pertama yang mengumpul dan menulis secara rasmi tentang ajaran-ajaran Tarekat Syaziliyyah.
4. Umumnya Tarekat Syaziliyyah tidak punya ritual-ritual tertentu, apatah lagi ritual yang berat-berat.
5. Tarekat ini diamalkan di serata dunia Islam secara terpisah-pisah mengikut zawiyyah masing-masing. Umumnya mereka tidak saling berhubungan.
6. Ajaran tarekat ini mendapat banyak pengaruh Imam Al-Ghazali dan karyanya Ihya' 'Ulumuddin serta Abu Talib Al-Makki dan karyanya Qutul Qulub.

7. Antara kata-kata pengasas tarekat ini ialah : "Seandainya kalian mengajukan sesuatu permohonan kepada Allah, maka sampaikanlah lewat Abu Hamid Al-Ghazali". Perkataan lainnya: "Kitab Ihya' Ulum ad-Din, karya Al-Ghazali mewariskan engkau ilmu. Sementara Qut al-Qulub, karya Abu Talib al-Makki, mewariskan engkau cahaya."
8. Tarekat ini menarik minat banyak orang daripada pelbagai golongan kerana amalan-amalannya yang ringan, tidak punya banyak majlis serta tidak ada ritual yang berat-berat.
9. Tarekat ini juga menggalakkan agar para pengamalnya keluar daripada kemiskinan dan tidak membenarkan mengemis.
10. Sebagaimana Syeikh Abu Hasan Asy-Syazili, para pengamal tarekat ini biasanya akan berpakaian dengan pakaian yang cantik dan kemas, tetapi tidak bermewah-mewah, bermahal-mahal dan boros. Tidak ada pengamal tarekat ini yang berpakaian kotor, tidak terurus atau berpenampilan buruk.

<https://alexanderwathern.blogspot.com/2018/03/10-perkara-tentang-tarekat-syaziliyah.html>



Mengenal Tokoh Sufi

Syeikh Abdus Samad Al-Falimbani

Syeikh Abdus Samad al-Falimbani ialah seorang tokoh dan penulis kitab-kitab sufi yang berasal dari Palembang. Syeikh Abdus Samad dipercayai lahir pada 1116 H(1704) M dan meninggal dunia pada 1203 H (1789 M) dalam usia 85 tahun, di Palembang. Ada pengkaji yang memperkirakan umurnya lebih daripada 100 tahun.

Dari segi salasilah, nasab Syeikh Al-Falimbani berketurunan Arab, dari sebelah ayah. Syeikh Abdul Jalil bin Syeikh Abdul Wahhab bin Syeikh Ahmad Al-Mahdani, ayah Al-Falimbani merupakan ulama yang berasal dari Yaman yang dilantik menjadi Mufti negeri Kedah pada awal abad ke-18. Sementara ibunya, Radin Ranti, ialah wanita Palembang yang diperisterikan oleh Syeikh Abdul Jalil, setelah sebelumnya menikahi Wan Zainab, puteri Dato' Sri Maharaja Dewa di Kedah.

Beliau ada mempelajari ilmu sufi daripada Syeikh Muhammad bin Samman, selain mendalami ilmu-ilmu tasawuf daripada Syeikh Abdul Rauf Singkel dan Shamsuddin Al-Sumaterani, kedua-duanya dari Aceh. Oleh sebab dari kecil dia lebih banyak mempelajari ilmu tasawuf, maka dalam sejarah telah tercatat bahawa dia adalah ulama yang memiliki kepakaran dan keistimewaan dalam cabang ilmu tersebut.

Belajar Di Tanah Haram

Orang tua Al-Falembani kemudian menghantar anaknya itu ke Arab iaitu Makkah dan Madinah. Tidak jelas, bilakah dia dihantar ke sana. Setakat yang terakam dalam sejarah, dia dikatakan menganjak dewasa ketika 'berhijrah' ke tanah Arab.

Di negeri barunya ini, dia terlibat dalam masyarakat Jawa, dan menjadi teman seperguruan dengan ulama Nusantara lainnya seperti Syeikh Muhammad Arsyad Al-Banjari, Abdul Wahhab Bugis, Abdul Rahman Al-Batawi, dan Daud Al-Fatani. Walaupun dia menetap di Mekah, tidak bermakna dia melupakan negeri leluhurnya. Syeikh Al-Falimbani, menurut Azyumardi, tetap memberikan perhatian besar pada perkembangan sosial, politik, dan keagamaan Nusantara.

Sejak perpindahannya ke tanah Arab itu, Syeikh Al-Falimbani mengalami perubahan besar berkaitan dengan intelektual dan spiritual. Perkembangan dan perubahan ini tidak terlepas dari proses ‘pencerahan’ yang diberikan oleh para gurunya. Beberapa gurunya yang masyhur dan berwibawa dalam proses tersebut, antara lain Muhammad bin Abdul Karim Al-Sammani, Muhammad bin Sulayman Al-Kurdi, dan Abdul Al-Mun‘im Al-Damanhuri. Selain itu, tercatat juga dalam sejarah Al-Falimbani berguru kepada ulama besar, antaranya Ibrahim Al-Rais, Muhammad Murad, Muhammad Al-Jawhari, dan Athaullah Al-Mashri. Tidak sia-sia, perjuangannya menuntut ilmu di Masjidil Haram dan tempat-tempat lainnya, ‘mengangkat’ dirinya menjadi salah seorang ulama Nusantara yang disegani dan dihormati di kalangan ulama Arab, juga Nusantara.

Mengkritik Penyelewengan dalam Tasawuf

Meskipun mendalami tasawuf, tidak bermakna Syeikh Al-Falimbani tidak kritis. Dia dikatakan kerap mengkritik kalangan yang mempraktikkan tarekat secara melampau. Dia selalu mengingatkan akan bahaya kesesatan yang diakibatkan oleh aliran-aliran tarekat tersebut, khususnya tarekat Wujudiyah Mulhid yang terbukti telah membawa banyak kesesatan di Aceh.

Untuk mencegah apa yang diperingatkannya itu dan menyediakan jalan lurus dalam tasawuf, Syeikh Al-Falimbani menulis intisari dua kitab karangan ulama agung abad pertengahan, Imam Al-Ghazali, iaitu kitab Lubab Ihya‘ Ulumud Diin (Intisari Ihya‘ Ulumud Diin), dan Bidayah Al-Hidayah (Awal Bagi Suatu Hidayah). Dua karya Imam Al-Ghazali ini dinilainya sebagai dapat membantu membimbing mereka yang mempraktikkan aliran sufi.

Banyak meriwayatkan cerita yang menarik ketika Sheikh Abdus Samad berada di negerinya Palembang. Oleh kerana rasa bencinya kepada Belanda, ditambah pula dengan satu peristiwa tertentu di atas sebuah kapal, dia bertambah kecewa karena melihat pihak Belanda yang kafir telah memegang pemerintahan dalam Iwilayah dan umat Islam dan tiada kuasa sedikit pun bagi sultan.

Maka dia merasa tidak selesa untuk tinggal di Palembang walaupun dia kelahiran negeri itu. Syeikh Abdus Samad mengambil keputusan sendiri tanpa musyawarah dengan siapa pun, semata-mata memohon petunjuk Allah dengan melakukan solat istikharah. Keputusannya, dia mesti meninggalkan Palembang, kembali ke Mekah.

Dikhabarkan, antara anti Belanda, dia tidak mahu menaiki kapal Belanda sehingga terpaksa menebang kayu di hutan untuk membuat perahu bersama-sama orang-orang yang patuh sebagai muridnya. Walaupun sebenarnya dia bukanlah seorang tukang yang pandai membuat perahu, namun dia sanggup mereka bentuk perahu itu sendiri untuk dinaikinya ke Mekah. Tentunya ada beberapa orang muridnya mempunyai pengetahuan membuat perahu seperti itu.

Ini membuktikan Syeikh Abdus Samad al-Falimbani telah menunjukkan keteguhan pegangan, tawakal adalah merupakan catatan sejarah yang tidak dapat dilupakan.

Untuk menunjukkan sikap antinya kepada penjajah, dikarangnya sebuah buku tentang jihad. Buku yang penting itu berjudul Nasihatul Muslimin wa Tazkiratul Mu'minin fi Fadhill Jihadi fi Sabilillah wa Karamatul Mujtahidin fi Sabilillah.

Kepulangan dan Jihad

Syeikh Abdus Samad al-Falimbani kali ini tidak ke Palembang tetapi ke Kedah. Saudara kandungnya Syeikh Wan Abdul Qadir bin Sheikh Abdul Jalil al-Mahdani ketika itu menjadi Mufti Kerajaan Kedah. Seorang lagi saudaranya, Sheikh Wan Abdullah adalah pembesar Kedah dengan gelar Seri Maharaja Putera Dewa. Meskipun Syeikh Abdus Samad al-Falimbani lama menetap di Mekah, namun hubungan antara mereka tidak pernah terputus. Sekurang-kurangnya mereka berkirim surat setahun sekali, iaitu melalui mereka yang pulang setelah melaksanakan ibadah haji.

Selain hubungan dia dengan adik-beradik di Kedah, Syeikh Abdus Samad al-Falimbani turut membina hubungan dengan kaum Muslimin di seluruh Asia Tenggara. Pada zaman itu hampir semua orang yang berhasrat mendalami ilmu tasawuf terutama Tarekat Sammaniyah, Tarekat Anfasiyah dan Tarekat Khalwatiyah menerima ilmu daripada dia.

Syeikh Abdus Samad al-Falimbani telah lama bercita-cita untuk ikut serta dalam salah satu peperangan/pemberontakan melawan penjajah. Namun setelah dipertimbangkan, dia lebih tertarik membantu umat Islam di Pattani dan Kedah melawan keganasan Siam yang beragama Buddha.

Sebelum perang itu terjadi, Syeikh Wan Abdul Qadir bin Sheikh Abdul Jalil al-Mahdani, Mufti Kedah mengirim sepucuk surat kepada Syeikh Abdus Samad di Mekah. Surat itu membawa maksud agar diumumkan kepada kaum Muslimin yang berada di Mekah bahawa umat Islam Melayu Pattani dan Kedah sedang menghadapi jihad mempertahankan agama Islam dan watan (tanah air) mereka. Dalam peperangan itu, Sheikh Abdus Shamad al-Falimbani memegang peranan penting dengan beberapa panglima Melayu lainnya. Ada juga catatan menarik mengatakan dia bukan berfungsi sebagai panglima sebenarnya tetapi dia hanya bertindak sebagai seorang ulama sufi yang sentiasa berwirid, bertasbih, bertahmid, bertakbir dan berselawat setiap siang dan malam.

Banyak orang menuduh bahawa orang sufi adalah orang-orang jumud yang tidak menghiraukan dunia. Tetapi jika kita kaji beberapa biografi ulama sufi, termasuk Syeikh Abdus Samad yang diriwayat ini adalah orang-orang yang bertanggungjawab mempertahankan agama Islam dan tanah air. Golongan ini adalah orang yang berani mati dalam menegakkan jihad fi sabilillah. Jiwa mereka tidak terikat dan terkongkong dengan sanak keluarga, material duniawi, pangkat dan kedudukan dan sebagainya, mereka semata-mata mencintai Allah dan Rasul dari segala apa pun juga.

Kepulangan Sheikh Abdus Shamad al-Falimbani ke Kedah memang pada awalnya bertekad demi jihad, bukan kerana mengajar masyarakat mengenai hukum-hukum kelslaman walaupun dia pernah mengajar di Mekah. Akhirnya Syeikh Abdus Samad al-Falimbani dan rombongan pun berangkat menuju ke Pattani yang bergelar ‘Cermin Mekah’. Sayangnya kedatangan beliau agak terlambat, pasukan Pattani telah hampir lemah dengan keganasan Siam.

Sementara itu, Sheikh Daud bin Abdullah al-Fathani dan pengikut-pengikutnya telah berundur ke Pulau Duyung, Terengganu untuk menyusun semula langkah perjuangan. Pattani telah patah sayap dan kekuatannya lenyap, lalu Syeikh Abdus Shamad pun berkhawat di salah sebuah masjid di Legor. Ada orang mengatakan dia berkhawat di Masjid Kerisik bergelar ‘Pintu Gerbang Hang Tuah’ itu.

Sebahagian pengkaji percaya dia sanalah dia ghaib, sebahagian lagi percaya dia syahid dalam pertempuran manakala sebahagian lagi percaya bahawa dia telah mati dibunuh kemudiannya oleh musuh-musuh Islam.

Sufi Pastinya Mengingati Mati



Janganlah kita membenci kematian kerana itulah jalan untuk bertemu dengan Kekasih iaitu Allah SWT.

Sabda Nabi saw : **“Sesiapa yang tidak suka bertemu dengan Allah, nescaya Allah pun tidak suka bertemu dengannya.”** (Bukhari, Muslim)

Sabda Nabi saw : **“Perbanyakkanlah mengingati mati yang memecahkan kelazatan.”** (Turmizi, An-Nasa'i, Ibnu Majah)

Seorang lelaki Ansar bertanya : “Siapakah manusia yang paling pintar dan paling mulia wahai Rasulullah?”


Nabi saw menjawab : “Mereka yang paling banyak mengingati mati dan yang lebih kuat membuat persediaan untuk itu. Mereka itulah orang-orang yang pintar, yang pergi dengan kemuliaan dunia dan kehormatan akhirat.”
(Ibnu Majah, Ibnu Abi Dunya, dengan sanad baik)

Ka'ab al-Ahbar berkata : “Sesiapa yang mengenal mati, nescaya menjadi mudah baginya musibah dunia dan kesusahannya.”

Safiyah ra berkata : “Ada seorang wanita mengadu kepada Aisyah ra tentang kekesatan hatinya. Maka Aisyah ra menjawab : “Perbanyakkanlah mengingati mati, yang akan menghaluskan (melembutkan) hati engkau.”

- Petikan dan ringkasan daripada kitab Ihya' 'Ulumuddin : Kitab Mengingati Mati

Syarahan Kitab Keajaiban Qalbu



Imam Al-Ghazali menulis : “Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.”

Walau sepemurah mana pun seseorang itu, pada hakikatnya satu-satunya yang pemurah hanyalah Allah.

Walau sekuat mana pun penyayangnya seseorang itu, pada hakikatnya yang penyayang hanya satu iaitu Allah.

Pemurah dan penyayangnya ibu bapa terhadap anak-anak mereka, pada hakikatnya semua itu tidak lain ialah pemurah dan penyayangnya Allah.

Sesungguhnya tidak ada yang sebenar-benar Yang Berjasa melainkan Allah.

Ilmu yang kita dapat, pemahaman yang kita kuasai, amal yang kita buat dan dapatan yang kita peroleh kemudiannya, adalah kerana jasa Allah SWT.

Imam Al-Ghazali menulis : “Segala puji bagi Allah.”

Maksudnya, 100% puji-pujian yang ada, semuanya bagi Allah semata-mata, pada hakikatnya.

Tidak ada yang baik selain Allah. Tidak ada yang cantik selain Allah. Tidak ada yang bijaksana selain Allah. Tidak ada yang gagah selain Allah. Dan tidak ada mananya pujian pun melainkan kesemuanya kena pada Allah sahaja. Begitulah pada hakikatnya, bukan pada syariatnya.

Ringkasnya, bagi orang-orang yang sudah berjaya mencapai hakikat ini, maksudnya mereka sudah mula melangkah masuk ke maqam ma'rifat. Pelajar-pelajar sufi hendaklah membiasakan pandangan hakikat yang dibicarakan tadi. Mudah-mudahan akan meningkatlah maqam qalbunya dari semasa ke semasa.

Hati atau qalbu manusia dan jin berpotensi untuk mengetahui keagungan Allah. Tetapi setakat mana? Setakat yang cetek-cetek sahaja. Tidak ada yang mampu untuk mengetahui dengan mendalam, apatah lagi untuk mengetahui seluruh keagungan-Nya.

Keagungan Allah itu bolehlah diibaratkan lautan luas yang tidak terduga dalamnya. Para ulama pun sekadar berenang-renang di tepi lautan itu. Apatah lagi kita yang dhaif lagi faqir. Mungkin kita sekadar memandang dari kejauhan dan sesiapa yang bernasib baik dapatlah mencelupkan kaki di lautan tersebut.

Pada hakikatnya, Dialah satu-satunya yang mempunyai keagungan.

Hebatnya Allah! Dia tahu 100% segala rahsia yang tersembunyi. Dia tahu 100% segala isi hati makhluk-makhluk-Nya.

Sememangnya qalbu atau jantung hati merupakan tempat yang sangat sesuai untuk menyimpan segala rahsia sama ada yang baik mahupun yang buruk, melindungi dan menyembunyikannya. Namun sedarlah kita bahawa bagi Allah SWT, tidak ada langsung halangan berupa pintu hati, tingkap hati, dinding tembok hati dan apa jua pun yang dapat menutup dan menjadi penghalang antara Dia dengan isi hati qalbu kita. Dia menyaksikan dengan sejelas-jelasnya segala isi kandungan kolam hati kita.

Kita boleh berahsia antara sesama makhluk, tetapi kita tidak ada sehabuk rahsia pun di sisi Allah. Segala keburukan, kebusukan, dan kejahatan pada hati qalbu kita sentiasa berada dalam ilmu-Nya. Apakah kita tidak berasa malu kepada-Nya?

Ya Allah... astaghfirullah... astaghfirullah.. astaghfirullah. Ampunkanlah segala dosa-dosa kami. Hanya Engkau sahajalah yang memiliki keampunan.

Imam Al-Ghazali menulis : “Dia (Allah) yang tidak memerlukan kepada perundingan dan pertolongan dalam mengatur kerajaan-Nya.”

Oleh kerana pada hakikatnya hanya Dia sahaja yang ada kuasa, termasuklah ada kuasa untuk merancang, ada kuasa untuk mengatur dan ada kuasa untuk menentukan keputusan, maka dalam mengatur kerajaan-Nya iaitu seluruh alam makhluk ini, Dia tidak berhajat (tidak perlu) untuk berunding dengan sesiapa dan tidak perlukan pertolongan sesiapa pun. Hanya Dia. Tidak ada selain Dia. Dialah satu-satunya Ilah.

Adakah para malaikat itu para pembantu-Nya? Pada hakikatnya, tidak sama sekali. Sesiapa sahaja yang memerlukan bantuan walau lebih kecil daripada zarah, ia bersifat lemah. Satu-satunya yang 100% tidak berhajat, tidak bergantung dan tidak memerlukan bantuan ialah Allah. Sebab itulah Dia Maha Kuat. Dia As-Somad.

Odin perlukan ruang. Jesus Christ perlukan udara. Zeus perlukan tempat. Gautama Buddha perlukan makan minum. Para Kami perlukan posisi dan lokasi. Manu perlukan arah. Dewa-dewi perlukan itu ini. Berhala perlukan bahan-bahan. Nenek moyang perlukan langit dan bumi.

Kesimpulannya, semua itu bersifat lemah. Mengapa? Kerana semuanya miskin, yakni perlukan itu ini. Yang bersifat lemah pasti bukan Tuhan. Mengapa mereka pula yang dipertuhankan?



Odin dan Zeus

Allah? Dia Maha Kaya. Apakah antara pengisian maksud “Maha Kaya”? Yang sebenar-benar kaya bermaksud 100% tidak perlukan apa-apa pun. Sesiapa atau apa-apa yang punya keperluan walaupun satu sahaja keperluannya, itulah miskin. Pada hakikatnya, hanya Dia sahaja yang ada kaya. Selain daripada Dia, miskin belaka, bergantung belaka, berharap belaka dan berkeperluan belaka.

Imam Al-Ghazali menulis : “Dia (Allah) yang membalik-balikan segala hati qalbu.”

Bahagian ini sudah selalu benar kita bicarakan sewaktu kita mensyarahkan Kitab Aqidah, Kitab Cinta Allah, Kitab Tawakkal dan kitab-kitab lain. Tidaklah kita muhi memanjang-manjangkan bicara yang sudah terlalu banyak kali ulangannya kerana dikhuatiri jemulah para pelajar Kitab Ihya’ ‘Ulumuddin ini mendengarkan akan dia. Ringkasnya, pandanglah hakikat, maka akan tersaksilah bahawa sesungguhnya segala af’al hanyalah af’al-Nya.

Imam Al-Ghazali menulis : “Dialah yang mengampunkan segala dosa.”

Pada hakikatnya, hanya Allah sahaja yang punya kuasa untuk mengampunkan dan menghapuskan dosa. Selain daripada Dia, tidak ada sesiapapun yang ada kuasa, kebolehan dan kelayakan untuk mengampunkan dosa.

Bagaimana jika kita bersalah kepada makhluk?

Bersalah kepada makhluk, secara pandang tembusnya bermaksud kita bersalah kepada Allah.

Mengapa kita kena meminta maaf kepada makhluk?

Kerana pada hakikatnya kemaafan makhluk itu juga kemaafan Allah. Dan pada syariatnya pula, memang sudah diperintahkan oleh Allah supaya kita bertanggungjawab ke atas segala kesalahan kita terhadap makhluk dan meminta maaf kepada makhluk yang kita aniyai.

Apa kaitan qalbu dengan dosa? Bukankah kita sedang syarahkan Kitab Keajaiban Qalbu?

Qalbu hati itulah sumber segala dosa. Mata melakukan dosa kerana dia. Telinga melakukan kesalahan kerana dia. Mulut mengatakan yang dusta kerana dia. Begitu juga dengan kaki, tangan, perut, kemaluan dan lain-lain anggota.

Dosa mulut sebenarnya dosa qalbu. Dosa perut sebenarnya dosa qalbu. Dosa kaki sebenarnya dosa qalbu. Begitu juga dengan seluruh anggota yang lain.

Jika baik qalbunya, baiklah seluruh anggota. Jika buruk qalbunya, buruklah seluruh anggota.

Allah SWT berfirman dalam Aurah Al-Hajj ayat ke 32 : **“Begitulah (perintah Allah). Dan sesiapa yang mengagungkan syiar-syiar Allah, maka sesungguhnya hal itu (puncanya) daripada taqwanya qalbu.”**

Jelas, puncanya ialah qalbu.

Nabi saw bersabda : **“Ketahuilah, sesungguhnya di dalam jasad itu ada segumpal daging, yang apabila ia baik maka baiklah seluruh jasad, dan apabila ia rosak maka rosaklah seluruh jasad. Ketahuilah bahawa segumpal daging itu ialah qalbu (jantung).”** (Bukhari, Muslim)

Qalbu ada dua jenis iaitu :

qalbu jasmani yang disebut sebagai jantung


qalbu ruhani yang disebut oleh orang rantau sebelah sini sebagai hati.

Baik atau rosaknya qalbu jantung akan mempengaruhi baik atau rosaknya jasad. Sementara baik atau rosaknya qalbu hati akan mempengaruhi baik atau rosaknya amalan seluruh anggota jasad.

Kedua-dua bangsa qalbu ini sangat penting untuk dijaga.

Bersambung...

Hijab-hijab **PENYEMBAH BERHALA**



SOALAN : Dalam 70,000 hijab antara Khaliq dan makhluq, di manakah kedudukan para penyembah berhala?

JAWAPAN : Saya cuba menjawab dari sudut pandang Tariqah Ghazaliyyah.

Ada 5 kategori hijab yang utama iaitu :

1. Yang terhijab dengan cahaya.
2. Yang terhijab dengan cahaya yang bercampur sedikit kegelapan.
3. Yang terhijab dengan cahaya bercampur gelap.
4. Yang terhijab dengan gelap yang bercampur sedikit cahaya.
5. Yang terhijab dengan kegelapan.

Ringkasnya 70,000 hijab itu terbahagi kepada 5 kategori ini.

Yang terhijab dengan cahaya maksudnya yang semakin nipis hijabnya. Sudah dapat cahaya tetapi masih terhijab juga.

Yang terhijab dengan gelap maksudnya yang semakin tebal hijabnya.

Para penyembah berhala berada pada hijab jenis ketiga, iaitu mereka terhijab daripada Allah dengan hijab cahaya bercampur gelap.

SOALAN : Bagaimanakah pembahagian hijab-hijab mereka?

JAWAPAN : Antara pembahagian golongan ini dan hijab-hijab mereka :

- i. Sembah berhala tetapi tidak menganggap berhala itu Tuhan. Mereka sekadar mengikut upacara orang ramai sahaja.
- ii. Sembah berhala tetapi tidak menganggap berhala itu Tuhan, cuma sekadar simbol kepada Tuhan. Berhala itu hanya sekadar untuk dihormati.
- iii. Sembah berhala tetapi tidak menganggap berhala itu Tuhan, cuma sebagai mewakili Tuhan atau perantaraan Tuhan.
- iv. Sembah berhala tetapi tidak pasti sama ada berhala itu ada kaitan dengan Tuhan ataupun tidak.
- v. Sembah berhala tetapi tidak pasti sama ada berhala itu Tuhan atau tidak.
- vi. Sembah berhala dan menganggap berhala itu memang Tuhan sebenar.
- vii. Sembah berhala dan menganggap berhala itu salah satu daripada Tuhan sebenar.

Inilah 7 pembahagian utama yang mudah untuk kita perhatikan, sedangkan jumlah sebenar pembahagiannya sangat banyak dan hanya Allah sahajalah yang tahu jumlahnya.

Golongan i) ialah penyembah berhala yang lebih nipis dan cerah hijabnya manakala golongan vii) ialah penyembah berhala ialah mereka yang lebih tebal dan gelap hijabnya.

Kesimpulannya, para penyembah berhala memang sangat jauh terhijabnya daripada Allah. Wallahu'alam.

(*Bagaimana dengan engkau sendiri? Seberapa tebal agaknya engkau terhijab? Di mana kedudukanmu dalam 70,000 itu kini?,,,,,,)

<https://myalexanderwathern.blogspot.com/2018/03/hijab-hijab-penyembah-berhala.html>



Bagaimana Hendak Bermujahadah?

SOALAN :

Ustaz, bagaimana hendak bermujahadah dengan sebenar-benar mujahadah ya?

JAWAPAN :

Mujahadah maksudnya berusaha bersungguh-sungguh. Secara ringkasnya, cara bermujahadah adalah dengan berusaha bersungguh-sungguh untuk melaksanakan segala yang Allah suka DAN berusaha bersungguh-sungguh untuk mengelakkan segala yang Allah larang.

SOALAN :

Bagaimana seseorang yang "berjalan", tetapi ia masih tersungkur dengan dosa-dosa lama beliau, ustaz?

JAWAPAN :

Sekurang-kurangnya orang itu sudah ada "berjalan". Hal itu Allah sangat suka, berbanding jika orang itu masih tersungkur dengan dosa2 lamanya tetapi masih tidak "berjalan". Orang yang dalam situasi sebegini, sangat bagus jika dia dapat beri lebih tumpuan kepada TAKUT DAN HARAP kepada Allah.

SOALAN :

Subhanallah.. terima kasih ustaz



Benarkah Tidak Ada Cinta dan Rindu Allah?



Timbul satu permasalahan yang sedikit-sebanyak telah mengganggu ketenangan dan ketenteraman qalbu segelintir ikhwan pada jalan ini. Maka menjadi tanggungjawablah bagi kami untuk memberikan sedikit pencerahan tentangnya.

PERSOALAN YANG DATANG :

Ada orang mengatakan bahawa bercinta dengan Tuhan yakni Allah itu tidak ada. Sesiapa yang mengatakan ada cinta dengan Tuhan bererti orang itu tidak faham dengan Tuhan. Malahan jika kita menyatakan yang “kita mencintai dan merindui Tuhan” dan seumpamanya pun, sebenarnya tidak ada hal sedemikian dalam agama. Cinta dan rindu itu hanya kepada makhluk sahaja.

Benarkah keyakinan seperti itu?

PENCERAHAN KITA :

Firman Allah SWT : **“Dia (Allah) mencintai mereka DAN mereka pun mencintai-Nya.”** (Al-Maidah : 54)

Jelas, Allah sendiri mengatakan memang ada Dia mencintai hamba-hamba-Nya dan ada pula hamba-hamba-Nya yang mencintai-Nya. Perkataan “DAN” pada kata-kata Allah di atas menunjukkan keadaan SALING MENCINTAI.

Maka bagi orang-orang yang beriman kepada Allah dan Kitabullah, dengan satu ayat ini sahajapun sudah menjawab persoalan di atas.

Namun sebagai pengukuhan dan pengkayaan, di sini kami suka untuk berkongsi sandaran-sandaran lain agar hati kita mendapat ketenteraman dan ketenangan yang berlipat ganda dalam permasalahan ini.

Firman Allah SWT : **“Orang-orang yang beriman itu lebih CINTA KEPADA ALLAH.”** (Al-Baqarah : 165)

Firman-Nya : **“..... Jika semua itu LEBIH KAMU CINTAI DARIPADA ALLAH dan rasul-Nya dan daripada berjuang pada jalan Allah, tunggulah sampai Allah mendatangkan perintah-Nya. Dan Allah tidak akan memberikan petunjuk kepada kaum yang fasiq.”** (At-Taubah : 24)

Jika orang yang ada juga mencintai Allah, cuma mereka mencintai yang lain lebih lagi, golongan sebeginipun Allah sudah beri amaran dengan “Tunggulah sampai Allah mendatangkan perintah-Nya”, apatah lagilah bagi orang-orang yang tidak mencintai Allah dan orang-orang yang menolak adanya cinta kepada Allah. Oleh itu, kita mestilah sangat berhati-hati.

Firman Allah SWT : **“Katakanlah (wahai Muhammad) : “Kalau benar ENGKAU MENCINTAI ALLAH, ikutlah aku, nescaya ENGKAU AKAN DICINTAI OLEH ALLAH dan diampunkan-Nya dosamu.”** (Ali-Imran : 34)

Perhatikanlah perkataan-perkataan berhuruf besar dalam Kalam Allah di atas. Renung-renungkanlah dan mohonlah petunjuk.

Semua itu tadi merupakan sandaran-sandaran daripada Kitab Suci Al-Quran. Mari kita kayakan lagi dengan kata-kata kekasih-Nya pula yakni Rasulullah saw.

Sabda Rasulullah saw : **“TIDAK BERIMAN seseorang daripada kamu sebelum ALLAH dan rasul-Nya LEBIH DICINTAINYA berbanding yang lain-lain.”** (Bukhari, Muslim)

“Tidak beriman” itu ditujukan oleh Rasulullah saw kepada golongan yang ada mencintai Allah tetapi mereka mencintai yang lain lebih lagi. Bagaimana agaknya kepada mereka yang tidak mencintai Allah atau yang menafikan adanya cinta kepada Allah? Na’uzibillah!

Seorang Arab desa datang kepada Nabi saw lalu bertanya : “Ya Rasulullah! Bilakah Qiamat?”

Nabi saw menjawab : “Apa yang telah engkau sediakan untuk menghadapi Qiamat itu?”

Arab desa itu menjawab : “Tidaklah aku sediakan untuk Qiamat itu dengan banyaknya solat dan puasa. Cuma AKU MENCINTAI ALLAH dan rasul-Nya.”

Lalu Rasulullah saw bersabda : “Manusia itu (akan) bersama-sama dengan yang dicintainya.” (Bukhari, Muslim)

Sangat jelas kepada kita, memang wujud CINTA ALLAH.

Di samping itu, sangat penting untuk kita perhatikan dalam hadith ini pada bahagian kata-kata orang itu bahawa : “AKU MENCINTAI ALLAH.” Bukankah jelas kepada kita bahawa Rasulullah saw mengiktiraf kata-kata yang sebegini? Sekiranya kata-kata ini salah atau tidak wujud dalam agama, mustahil baginda akan mendiamkan hal yang salah atau tidak wujud itu, melainkan sudah pasti baginda akan menegur dan membetulkannya.

Sabda Rasulullah saw : **“Sesiapa yang membanyakkan zikir kepada Allah nescaya dia DICINTAI OLEH ALLAH.”** (Ibnu Majah)

Seorang lelaki berkata kepada Rasulullah saw : “Sesungguhnya AKU MENCINTAI ALLAH TAALA.”

Nabi saw menjawab : “Bersedialah untuk menghadapi cubaan (kerana mencintai Allah itu perlukan pengorbanan).” (Turmizi)

Perhatikan! Orang ini juga mengatakan : “AKU MENCINTAI ALLAH” bahkan dengan disaksikan oleh Rasulullah saw sendiri.

Abu Razin Al-‘Uqaili bertanya kepada Rasulullah saw : “Wahai Rasulullah! Apakah IMAN itu?”

Rasulullah saw menjawab : “(Iman itu ialah) ALLAH dan Rasul-Nya LEBIH ENGKAU CINTAI daripada yang lain-lain.” (Ahmad)

Demikianlah sebahagian daripada sumber-sumber As-Sunnah.

Seterusnya, bagi kita dalam Tariqah Ghazaliyyah ini khususnya (dan umumnya untuk seluruh umat), kita lihat pula kalam Hujjatul Islam Imam Al-Ghazali.

Berkata Imam Al-Ghazali : “*Ketahuilah, sesungguhnya umat itu bersepakat bahawa MENCINTAI ALLAH dan rasul-Nya itu adalah WAJIB.*” (Ihya’ ‘Ulumuddin : Kitab Cinta Allah)

Berkata Imam Al-Ghazali : “*Sesungguhnya maqam MENCINTAI ALLAH merupakan matlamat/tujuan paling jauh (paling akhir) daripada maqam-maqam yang ingin dicapai dan merupakan darjah tertinggi daripada darjah-darjah. Tidak ada selepas maqam cinta suatu maqam pun lagi kecuali buah (hasil) daripada buah-buahannya dan ikutan (kesan) daripada pengikut-pengikutnya.*” (Ihya’ ‘Ulumuddin : Kitab Cinta Allah)

Kata Imam Al-Ghazali juga : “*Ketahuilah, orang yang menolak hakikat kecintaan kepada Allah Taala, maka tidak boleh tidak dia MENOLAK juga akan hakikat RINDU KEPADA ALLAH.*” (Ihya’ ‘Ulumuddin : Kitab Cinta Allah)

Jadi, tidak hairanlah mengapa golongan yang menafikan cinta kepada Allah turut akan menafikan rindu kepada Allah. Bagi mereka, tidak ada cinta dan rindu kepada Allah.

Kata Imam Al-Ghazali : “*KESEMPURNAAN kemanusiaan terletak di sini, iaitu KEICNTAAN KEPADA ALLAH TAALA mestilah menakluk qalbu manusia dan menguasai qalbu itu sepenuhnya.*” (Kimiya’ as’-Sa’adah – Bab Cinta Allah)

Kalian tidak mahu berusaha mencapai kesempurnaan?

Kata Imam Al-Ghazali lagi : “*Ada aliran teologi yang menyangkal bahawa manusia boleh mencintai suatu wujud yang merupakan bukan dari jenisnya sendiri.*” (Kimiya’ as’-Sa’adah – Bab Cinta Allah)

Nah! Kan sama hujah mereka? Oleh kerana kita dan Allah berbeza wujud, maka mana mungkin ada cinta dan rindu. Cinta dan rindu itu hanya untuk sesama makhluk. Begitulah anggapan mereka. Sebenarnya golongan sebegini sudah lama

wujud dalam dunia ini. Para pewaris mereka tetap ada sehingalah ke ahri ini. Sebab itulah Imam Al-Ghazali menolak fahaman mereka dalam kitabnya.

Sambung Imam Al-Ghazali lagi dalam kitab yang sama : “*Orang-orang yang berpendapat seperti itu sesungguhnya MEREKA TIDAK TAHU APAKAH AGAMA ITU sebenarnya.*” (Kimiya’ as’-Sa’adah – Bab Cinta Allah)

Jika mereka mengatakan kepada kita yang mengakui adanya cinta dan rindu Allah ini sebagai “tidak faham dengan Tuhan”, maka kita tidak perlu menjawab apa-apa, kerana Imam Al-Ghazali sendiri sudah sedia menjawabnya sejak lebih 1000 tahun yang lalu bahawa... merekalah yang tidak tahu agama.

Semoga dengan penjelasan ringkas ini dapatlah menjadi asbab kepada ketenangan dan ketenteraman pada qalbu ikhwan sekalian tentang permasalahan ini.

Sekiranya ikhwan sekalian mahukan huraian yang lebih mendalam, pelajarilah Kitab Cinta Allah dalam kitab induk Ihya’ ‘Ulumuddin dan Bab Cinta Allah dalam kitab Kimiya’ as-Saa’dah karangan pendahulu kita iaitu Imam Al-Ghazali. Wallahu’lam.

<https://alexanderwathern.blogspot.com/2018/03/tidak-ada-cinta-dan-rindu-allah.html>



Gambaran daripada filem :

Bilal dan Khaild al-Walid menghadap kekasih mereka - Rasulullah saw

Seputar Tarekat Chistiyyah



Maulana Muhammad Ilyas

Oleh: Syarifah Qiro'atut Taslimah Azmatkhan Ba'alawi Al-Husaini

Tarekat Chistiyyah merupakan tarekat yang namanya diambil daripada suatu wilayah di Afghanistan. Asal usulnya dapat dilacak hingga abad ke-3 H/9 M. Namun, meskipun nama tarekat ini diambil dari nama suatu wilayah di Afghanistan, tarekat ini hanya terkenal di India dan melalui Syeikh Shohibul Farozi Azmatkhan Ba'alawi Al-Husaini, tarekat ini berkembang di Indonesia.

histiyyah memiliki silsilah spiritual yang jejaknya dapat ditelusuri sampai kepada Hasan al-Bashri (21-110 H/ 642-728 M). Mereka meyakini bahwasanya Hasan al-Bashri merupakan murid dari Ali bin Abi Thalib.

Pendiri Tarekat Chistiyyah di India ialah Khawajah Mu'in al-Din Hasan. Selain itu, Syaikh Nizham al-Din Auliya yang menetap di Delhi, mengkristalisasikan ajaran Chistiyyah di Utara India, serta di wilayah Deccan. Murid-muridnya, mendirikan perguruan-perguruan Chistiyyah di Jawnpur, Malwa, Gujarat, dan Deccan.

Ada begitu banyak karya Chistiyyah yang tersedia, dan sebagian besar di tulis dalam Bahasa Parsi. Para Sufi Chistiyyah pun menulis karya dalam dialek-dialek

lokal, juga dalam Bahasa Arab. Antara beberapa karya Chistiyyah adalah, Malfuzhat (karya yang keasliannya diragukan, atau tidak dapat dilacak autentisitasnya), Literatur biografis dari para pembimbing spiritual, Maktubat (Surat-Surat), puisi-puisi berbahasa Hindi, dan lain sebagainya.

Para anggota tarekat ini, hidup berbaur dengan masyarakat, mereka tidaklah membangun khanqah dengan “empat dinding dan pintu gerbangnya”. Tapi, mereka membangun sebuah jama’at-khanah, dengan dinding lumpur dan atap jerami. Tempat tersebut, terbuka bagi umum, dan sebagai tempat berdiskusi dari berbagai macam idea.

Para syaikh dan anggota-anggotanya menjalani hidup dalam konsep futuh, yaitu tidak pernah meminta-minta pemberian orang.

Tarekat Chistiyyah berakar pada Sunni. Mereka menganut mazhab fekah Hanafi. Namun demikian, pandangan mereka tidaklah terikat pada hukum secara skiptural, melainkan lebih mementingkan makna terdalamnya. Aspek mereka yang paling dominan adalah adanya kesetiaan untuk memegang tradisi hidup berdampingan secara damai.

Kaum Chistiyyah awal meyakini bahawa kontak dengan orang-orang suci dan para wali adalah satu satunya sarana yang dapat membuat manusia memeluk Islam. Mereka percaya bahawasanya hanya kelompok muslim yang saleh sahalalah yang dapat menarik orang lain untuk menerima Islam. Misi utama mereka adalah berupaya mempersatukan orang-orang Hindu yang memeluk Islam untuk menjadikan mereka sebagai orang-orang muslim yang benar-benar saleh.

<https://majeliswalisongo.wordpress.com/2010/08/22/tarekat-chistiyyah/>

Syaikh Hamza Yusuf




Syaikh Hamza Yusuf (born January 1, 1958) is an American Islamic scholar and co-founder of Zaytuna College. He is a proponent of classical learning in Islam and has promoted Islamic sciences and classical teaching methodologies throughout the world.

He is an advisor to the Center for Islamic Studies at the Graduate Theological Union in Berkeley. In addition, he serves as vice-president for the Global Center for Guidance and Renewal, which was founded and is currently presided over by Abdallah bin Bayyah. He also serves as the vice-president of the UAE-based Forum for Promoting Peace in Muslim Societies, where Abdallah bin Bayyah also serves as president.

He is one of the signatories of *A Common Word Between Us and You*, an open letter by Islamic scholars to Christian leaders calling for peace and understanding. *The Guardian* has referred to Yusuf as "arguably the West's most influential Islamic scholar," and *The New Yorker* magazine called that him "perhaps the most influential Islamic scholar in the Western world."

Yusuf was born as Mark Hanson in Walla Walla, Washington to two academics working at Whitman College and he was raised in northern California. He grew up a practicing Greek Orthodox Christian and attended prep schools on both the east and west coasts. In 1977, after a near-death experience and reading the Qur'an, he converted from Christianity to Islam (he seemed destined for the Greek Orthodox priesthood at his early age). Yusuf has Irish, Scottish and Greek ancestry.

After being impressed by a young couple from Saudi Arabia who were followers of Abdalqadir as-Sufi—a Scottish convert to Islam and leader of the Darqawa Sufi order and the Murabitun World Movement—Yusuf moved to Norwich, England to study directly under as-Sufi. One of his first teachers in the Islamic faith was Muribat al-Hajj. In 1979, Yusuf moved to Al Ain in the United Arab Emirates where he spent the next four years studying Sharia sciences at the Islamic Institute, more often on a one-on-one basis with Islamic scholars. Yusuf became fluent in the Arabic language and also studied Qur'anic recitation (*tajwid*), rhetoric, poetry, law (*fiqh*) and theology (*aqidah*) among other classical Islamic disciplines.



Syaikh Abdulqadir As-Sufi

In 1984, Yusuf formally disassociated himself from as-Sufi's teachings and moved in a different intellectual direction having been influenced by a number of Mauritanian scholars residing in the Emirates. He moved to North Africa in 1984 studying in Algeria and Morocco, as well as Spain and Mauritania. In Mauritania he developed his most lasting and powerful relationship with Islamic scholar Sidi Muhammad Ould Fahfu al-Massumi, known as Murabit al-Hajj.

*Penafian – Kesemua artikel dalam risalah ini tidak semestinya sama dengan pandangan Qalbun Salim melainkan jika dimaklumkan sebegitu.